

Harap Kabinet baharu kekal sehingga empat tahun - PM

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Barisan Jemaah Menteri baharu dan pertukaran jawatan menteri serta timbalan menteri yang diumumkan semalam diharap kekal sehingga empat tahun akan datang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri juga berharap barisan Kabinet itu kekal mentadbir negara sehingga pilihan raya umum akan datang.

“Saya harap insya-Allah (kekal) kalau prestasi baik dan memuaskan, selain tiada tekanan atau masalah baharu seperti isu transformasi digital.

“Saya tidak fikir harus ada perubahan untuk kita ada rencana untuk empat tahun akan datang sehingga pilihan raya umum,” katanya selepas pengumuman barisan Kabinet baharu itu di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan sama ada rombakan Kabinet itu dilakukan secara tahunan memandangkan perubahan berlaku selepas setahun pentadbiran Kerajaan Madani.



ANWAR Ibrahim bersama timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada sidang akhbar mengumumkan rombakan Kabinet di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Anwar berkata, rombakan Kabinet dibuat bertujuan memberi penyesuaian selepas setahun pentadbiran Kerajaan Madani.

Beliau berkata, keadaan (rombakan dan penyesuaian Kabinet) juga perlu berubah

seiring perkembangan ekonomi, permasalahan rakyat dan soal penerimaan Malaysia di peringkat antarabangsa.

“Isu pendidikan, pendidikan tinggi terutama dalam urusan meneroka bidang baharu se-

perti kecerdasan pintar (AI) dan transformasi digital menyebabkan saya berfikir semula untuk membuat sedikit sebanyak penyesuaian, sesuai keadaan dan tuntutan semasa.

“Setelah berbincang dengan ketua-ketua parti dan komponen, maka saya buat beberapa cadangan sebelum persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk mendapat perkenan,” katanya.

Majlis angkat sumpah bagi menteri dan timbalan menteri baharu berlangsung di Istana Negara semalam.

Menerusi rombakan Kabinet itu, seorang menteri dan dua timbalan menteri digugurkan iaitu bekas Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar selain Ramkarpal Singh dan Datuk Siti Aminah Aching.

Secara keseluruhan, jumlah Jemaah Menteri kini meningkat daripada 28 kepada 31 orang manakala jumlah timbalan menteri pula meningkat dari 27 kepada 29 orang.